

14/09/1999

Dunia iktiraf dasar kewangan Malaysia

PERSETUJUAN pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bersidang di Auckland, New Zealand, memperakukan pentingnya satu kerangka baru sistem kewangan global dibentuk, membuktikan bahawa Malaysia lebih dahulu memandang ke hadapan dalam perkara membabitkan isu ekonomi dunia. Setelah diperdebatkan sejak persidangan Apec di Vancouver, Kanada dua tahun lalu, diikuti di Kuala Lumpur, tahun lalu, akhirnya perkara itu dimasukkan dalam Deklarasi Auckland.

Seboleh mungkin, deklarasi itu bukan semata-mata menjadi dokumen untuk mencukupi syarat perundingan. Ia perlulah disusuli dengan tindakan bersepadu. Umum mengetahui Malaysia adalah negara yang memperjuangkan perlunya satu kerangka baru sistem kewangan antarabangsa dibentuk bagi mengekang dagangan mata wang. Selain Apec, Malaysia membangkitkan perkara itu dalam pelbagai forum antarabangsa lain termasuk di sidang kemuncak Ketua-Ketua Negara Komanwel (Chogm), Kumpulan 15 (G-15) dan Asean. Ini tidak termasuk rundingan yang dijalankan oleh pemimpin negara ini dengan ketua-ketua negara asing.

Pada peringkat awal, banyak pihak yang tidak dapat menerima alasan Malaysia dengan mendakwa negara ini cuba mencari pihak lain untuk dipersalahkan. Malah, tidak kurang juga ada pihak dan negara tertentu yang mendakwa kemelesetan ekonomi yang dialami Malaysia adalah daripada punca lain. Mereka mendakwa Malaysia gagal mengurus ekonomi dengan baik. Maka, timbullah isu projek mega, pembaziran dan sebagainya. Tuduhan itu dibuat tanpa mengambil kira kegawatan ekonomi yang dialami hanya berlaku pertengahan 1997 sedangkan negara ini mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi lapan tahun berturut-turut sebelum itu. Jika Malaysia tidak tahu menguruskan ekonominya, sudah lama negara ini menghadapi masalah yang meruncing.

Dengan persetujuan pemimpin Apec mengenai perlu satu kerangka baru sistem kewangan global dibentuk, bermakna dunia sudah mengiktiraf cadangan Malaysia. Kegusaran Malaysia itu kini turut dirasai oleh negara-negara lain. Jika dahulu mereka mempertahankan pihak tertentu terutamanya pedagang mata wang yang bebas menjalankan kegiatan spekulasi di pasaran mata wang, hari ini negara-negara berkenaan sudah nampak kesan negatif yang dihadapi negara-negara yang menerima padahnya. Secara tidak langsung, negara-negara Apec juga mula menyedari kemelesetan dialami di beberapa negara termasuk Malaysia, bukan akibat kelemahan pengurusan ekonomi, sebaliknya angkara pihak tertentu yang cuba mengaut untung tanpa memikirkan masalah rakyat di sesebuah negara. Malaysia tidak berselindung ketika menuding jarinya kepada pihak tertentu. Negara ini mempunyai bukti yang benar-benar kukuh bahawa ada pihak yang sengaja mahu melemahkan kestabilan di sesebuah negara dengan menggunakan faktor ekonomi sebagai senjata mereka.

Setelah satu demi satu pihak yang menyetujui perjuangan Malaysia, tidak ada sebab rakyat negara ini sendiri mempertikaikan kebijaksanaan pemimpin kerajaan. Sekali pun ingin menjadikannya isu politik, mereka juga seharusnya berbangga bahawa Malaysia turut berbakti kepada dunia. Janganlah disebabkan mahu berkuasa, mereka sengaja mengada-adakan cerita sedangkan apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah ikhlas untuk ketenteraman dunia.

Yang pasti, perjuangan Malaysia itu akan dapat dimanfaatkan oleh negara-negara lain supaya tidak diheret dalam kancah percaturan kuasa besar yang

mempertahankan pedagang mata wang.

Untuk meyakinkan sesebuah pertubuhan yang turut dianggotai oleh kuasa besar bukanlah mudah. Ia memerlukan perdebatan dan alasan yang kukuh. Ia perlu dilakukan oleh pemimpin yang bijaksana dan mendapat pengiktirafan yang tinggi di persada antarabangsa. Pemimpin yang tidak mempunyai semangat kental untuk mengharungi tentangan negara-negara besar, tidak akan berjaya membangkitkan isu itu hingga menjadi agenda perbincangan di peringkat antarabangsa. Umum sedar, untuk mengubah pendirian negara-negara kuasa besar yang begitu tinggi egonya, bukanlah tugas yang calang-calang. Namun halangan itu sudah pun dapat diatasi. Walau pun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghadiri persidangan Apec kali ini, rasanya perjuangan beliau sewajarnya dijulung tinggi.

Malaysia mungkin sudah berjaya mengakhiri zaman kegawatan. Tetapi masih banyak negara yang mungkin terancam jika tidak ada tindakan secara global dilakukan. Dengan persetujuan Apec itu, ia akan menguatkan lagi tanda bahawa satu kawalan akan berlaku. Malaysia mempunyai mekanismenya yang boleh diguna-pakai demi kebaikan dan kemakmuran sejagat.

(END)